From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FORUM ICTOM 2026 KUPAS PARADOKS AI DAN KELESTARIAN ASEAN
Date: Thursday, 17 September, 2026 12:10:02 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Nurul Farzana Zamri
Gambar oleh: Ahmad Fasil Solihin Mohd Azlam

FORUM ICTOM 2026 KUPAS PARADOKS AI DAN KELESTARIAN ASEAN



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Forum bertajuk *"The AI Paradox: Will Smart Operations Save the Planet or Just Drain ASEAN Power Grids?"* menjadi antara pengisian utama 5th International Conference on Technology and Operations Management 2026 (ICTOM 2026) yang berlangsung di Cititel Hotel, baru-baru ini.

Forum itu menghimpunkan empat ahli panel daripada sektor industri dan akademik bagi membincangkan potensi kecerdasan buatan (AI) dalam membantu ASEAN mencapai matlamat kelestarian.

Perbincangan turut meneliti risiko peningkatan penggunaan elektrik, pembangunan pusat data dan kebergantungan kepada infrastruktur digital. Forum tersebut dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Kamal Imran Mohd Sharif dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang membimbing perbincangan daripada perspektif kejuruteraan, pengurusan operasi, rantaian bekalan, logistik, tadbir urus dan tanggungjawab sosial organisasi.



Panel pertama, Zubir Othman dari Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., Kulim berkongsi pandangan daripada perspektif keselamatan, kesihatan dan alam sekitar dalam industri semikonduktor. Perbincangan menyentuh risiko alam sekitar dan tempat kerja akibat penggunaan AI dan automasi, selain potensi teknologi tersebut dalam penyelenggaraan ramalan, pemantauan alam sekitar, pengurusan tenaga serta tindak balas kecemasan.

Mohd Anas Shahul Hameed dari Celestica Malaysia Sdn. Bhd. pula mengetengahkan aspek pengurusan fasiliti dan operasi industri. Beliau membincangkan penggunaan AI bagi mengoptimumkan sistem penyejukan, elektrik, udara termampat dan rawatan air tanpa menjejaskan kebolehpercayaan pengeluaran serta keselamatan pekerja.

Dari sudut akademik, Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed Udin dari UUM membincangkan peranan AI dalam pengurusan rantaian bekalan, logistik dan pengangkutan hijau. Perbincangan beliau turut memberikan perhatian kepada keperluan menilai kesan alam sekitar AI secara menyeluruh agar pengurangan kos atau pelepasan karbon dalam satu bahagian rantaian bekalan tidak memindahkan beban tersebut kepada organisasi atau lokasi lain.



Forum ini turut menampilkan Prof. Madya Dr. Muttanachi Suttipun dari Prince of Songkla University (PSU), Thailand yang mengupas isu

alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), pelaporan kelestarian serta akauntabiliti korporat. Antara perkara yang dibincangkan ialah keperluan organisasi melaporkan penggunaan tenaga, pelepasan karbon dan kos alam sekitar berkaitan AI, pusat data serta operasi pintar secara telus.

Sesi perbincangan silang panel turut mengemukakan persoalan sama ada sesebuah operasi berasaskan AI boleh dianggap lestari sekiranya berjaya meningkatkan kecekapan tetapi masih bergantung pada tenaga elektrik yang dijana daripada bahan api fosil. Ahli panel juga membincangkan tindakan utama yang perlu dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN bagi memastikan AI menyokong kejuruteraan lestari, operasi perniagaan yang bertanggungjawab serta sistem logistik dan pengangkutan yang lebih hijau.

Forum ini memperlihatkan bahawa AI mempunyai potensi besar untuk meningkatkan produktiviti, keselamatan dan kecekapan sumber. Namun, pelaksanaannya perlu disokong oleh data yang berkualiti, tenaga kerja berkemahiran, infrastruktur yang sesuai, pelaporan yang telus dan tadbir urus yang bertanggungjawab.



Forum diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada moderator dan ahli-ahli panel yang disempurnakan oleh Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarul Irwan Abdul Rahim diiringi oleh Pengarah ICTOM 2026, Ts. Dr. Siti Khadijah Hubadillah sebagai tanda penghargaan atas perkongsian ilmu, pengalaman dan pandangan bernilai sepanjang forum berlangsung.

Penganjuran forum tersebut memberikan ruang kepada peserta ICTOM 2026 untuk memahami bahawa kejayaan teknologi AI tidak seharusnya dinilai berdasarkan kecekapan operasi semata-mata, tetapi juga melalui manfaat yang dapat diberikan kepada organisasi, pekerja, masyarakat dan alam sekitar.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.